

BAB 2

Kebangkitan Nasionalisme

2.1 Maksud Nasionalisme

Buku Teks ms. 22 - 23

1. Namakan tokoh berikut. Kemudian, lengkapkan maksud nasionalisme mengikut pandangan tokoh tersebut.

SP
9.2.1

TP1



(a)

Kita hendak menzahirkan suatu _____ yang lebih tegap dan _____, boleh berdiri di atas tapak kaki kita sendiri dan mengambil tempat kita yang sebenar di sisi bangsa-bangsa lain yang tegap dan _____.



(b)

Nasionalisme merupakan satu _____ yang meletakkan _____ seseorang hanya kepada _____ dan bangsanya.



(c)

Nasionalisme juga timbul akibat _____ masyarakat terhadap _____ dan imperialisme Barat yang melanda Tanah Melayu.



(d)

Perjuangan menentang _____ hendaklah ada persatuan dan perpaduan yang kuat, iaitu _____.



(e)

Nasionalisme merujuk kepada perjuangan _____ sebelum merdeka untuk mendapatkan semula _____ unggul dalam negara sendiri.



(f)

Nasionalisme Melayu bukanlah gejala baharu hasil penggabungan _____ oleh British, tetapi nasionalisme Melayu telah wujud sejak zaman _____.

PRAKTIS DSKP

2.1 Maksud Nasionalisme

A Nyatakan maksud nasionalisme berikut. **Buku Teks: M.S. 22**

- 1 Perasaan _____ terhadap bangsa dan negara.
- 2 _____ yang menjelaskan sikap dan pendekatan berkaitan dengan perjuangan _____ serta _____.
- 3 Gerakan untuk mencapai kebebasan politik, ekonomi dan sosial _____.

B Isikan nama tokoh berikut dan padankan dengan tafsiran nasionalisme mengikut pandangan mereka.

Buku Teks: M.S. 22-23



Nasionalisme merupakan fenomena sejagat yang mengiktiraf hak setiap bangsa di dunia ini untuk menubuhkan negaranya sendiri dan memindahkan kedaulatan kepada rakyat.



Nasionalisme merupakan satu gerakan yang meletakkan kesetiaan seseorang hanya kepada negara atau bangsanya.



Dalam konteks Melayu sebelum merdeka, nasionalisme digunakan untuk merujuk perjuangan orang Melayu bagi mendapatkan kembali kedudukan unggul dalam negara sendiri.



Kita hendak menzahirkan suatu bangsa yang lebih tegap dan kuat, boleh berdiri di atas tapak kaki kita sendiri dan mengambil tempat kita yang sebenar di sisi bangsa-bangsa lain yang tegap dan bersatu.